

Jenis Akhbar : Bernama Online
Tarikh : 30/05/2017
Edisi / Muka Surat : www.bernama.com

Angkasa Tandatangani Perjanjian Bersama RAMCI Dan CTOS

KUALA LUMPUR, 30 Mei (Bernama) -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) hari ini menandatangani perjanjian bersama RAM Credit Information Sdn Bhd (RAMCI) dan Credit Tip Off Services Sdn Bhd (CTOS).

Perjanjian itu bertujuan menyalurkan data potongan gaji biro Angkasa yang dimiliki oleh Angkasa melalui Sistem Pelaporan Kredit Angkasa dan RAMCI yang dikenali sebagai SPeKAR kepada CTOS.

Presidennya Datuk Abdul Fattah Abdullah menjelaskan SPeKAR merupakan sistem carian maklumat kredit individu yang menggabungkan data potongan gaji yang diuruskan oleh Angkasa manakala maklumat kredit yang bernilai pula diuruskan oleh RAMCI.

"SPeKAR juga satu-satunya sistem pencarian kredit yang lengkap yang ada di Malaysia," katanya, sambil menambah SPeKAR yang memasuki usia lima tahun kini mempunyai hampir 200 organisasi pelanggan yang terdiri daripada koperasi dan bukan koperasi.

Beliau berkata perjanjian kerjasama itu akan membolehkan maklumat potongan gaji biro Angkasa bukan hanya boleh dicapai melalui sistem SPeKAR dan sistem RAMCI sahaja malah boleh dicapai oleh pelanggan CTOS.

"Saya juga berharap hasil daripada perjanjian kerjasama antara SPeKAR dan CTOS ini akan merintis kepada perjanjian kerjasama dengan agensi pelaporan kredit yang lain seperti Credit Bureau Malaysia Sdn Bhd (CBM) dan FIS Data Reference Sdn Bhd," katanya.

-- BERNAMA